



SIARAN MEDIA

UNTUK EDARAN SEGERA

CIDB RAIKAN PENCAPAIAN CEMERLANG DALAM KESELAMATAN & KESIHATAN, KEMAMPANAN ALAM SEKITAR DAN KUALITI

KUALA LUMPUR, 19 September 2023: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hari ini meraikan penggiat industri yang berjaya meraih pencapaian cemerlang di dalam keselamatan & kesihatan, kemampuan alam sekitar dan kualiti sempena Hari *Safety & Health, Environment and Quality* (SHEQ) 2023 ke arah menjadikan keselamatan & kesihatan, kemampuan dan kualiti satu budaya dalam sektor pembinaan.

Pengiktirafan diberikan ke atas pencapaian tertinggi di dalam Sistem Penilaian Kualiti dalam Pembinaan (QLASSIC), Sistem Penilaian Keselamatan dan Kesihatan dalam Pembinaan (SHASSIC), serta penarafan hijau MyCREST dan Sustainable INFRASTAR 2023.

Di dalam penilaian kualiti, QLASSIC, markah purata penilaian QLASSIC pada tahun 2022 telah meningkat berbanding tahun 2021, iaitu daripada 73% kepada 76%, manakala markah tertinggi sehingga tahun 2022 adalah 90 peratus. Disebabkan peningkatan markah QLASSIC dari tahun ke setahun, CIDB telah menetapkan hanya projek yang menerima markah 85% dan ke atas sahaja yang akan menerima anugerah pengiktirafan QLASSIC bermula tahun 2019. Pada tahun 2022 sebanyak 248 projek telah memohon untuk membuat penilaian QLASSIC. Pada hari ini

sebanyak 15 syarikat kontraktor dan pemaju akan menerima pengiktirafan untuk 16 projek pembinaan bangunan yang telah dinilai pada tahun 2022.

Bagi penilaian Keselamatan dan kesihatan, SHASSIC, sebanyak 107 projek telah dinilai dan hari ini sebanyak 11 projek akan menerima pengiktirafan kecemerlangan SHASSIC yang melibatkan 9 syarikat kontraktor dan 10 pemaju. Sementara itu sebanyak 30 penilaian MyCREST dan Sustainable INFRASTAR telah dijalankan dengan lebih 50 permohonan telah diterima. Melalui kedua-dua program ini, ianya telah berjaya melahirkan 583 fasilitator bagi MyCREST dan 135 fasilitator Sustainable INFRASTAR dari kalangan pemain industri yang telah dilengkappan dengan pengetahuan pembinaan mampan bagi menyokong kedua-dua skim penarafan.

Anugerah ini diadakan untuk menggalakkan saingan yang sihat di antara penggiat industri, serta meningkatkan kualiti, keselamatan dan kemampanan alam sekitar dalam projek pembinaan agar industri pembinaan Malaysia dapat menjadi satu industri yang bertaraf dunia, kompetitif dan mampan.

Pada majlis ini Dato Sri Alexander Nanta Linggi telah mengumumkan Anugerah Supreme SHEQ, iaitu anugerah tambahan yang akan dibuka pada tahun 2024. Anugerah ini dikhaskan kepada projek yang berjaya menjalankan ketiga-tiga penarafan dengan markah penilian tertinggi untuk Kualiti, Keselamatan, Kesihatan, dan Kemampanan.

“Projek-projek dan pemain yang diiktiraf hari ini adalah bukti bahawa amalan SHEQ bukan sahaja baik untuk bisnes, tetapi juga penting untuk mencipta masa depan yang mampan bagi semua rakyat Malaysia. Mereka mewakili aspirasi dan impian negara kita. Projek-projek ini bukan sahaja sekadar batu bata dan simen; ia adalah perwujudan usaha kita secara kolektif dalam mengejar kualiti. Ia adalah penjaga keselamatan, memastikan bahawa setiap sudut negara kita kekal selamat dan berdaya tahan. Ia adalah pembawa obor kelestarian, menerangi jalan menuju hari esok yang lebih hijau dan menjanjikan,” kata Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya Malaysia semasa ucapan perasmianya.

“Kualiti hasil kerja pembinaan adalah suatu yang sangat kritikal dan antara faktor utama untuk menjadikan industri pembinaan Malaysia satu industri yang kompetitif dan mampan,” kata Sr Mohd Zaid Zakaria, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia.

Penilaian QLASSIC dan SHASSIC telah diiktiraf di dalam Dasar Pembinaan Negara 2030. Program QLASSIC juga telah digariskan sebagai satu penilaian wajib bagi kesemua projek perumahan awam dan swasta melalui Dasar Perumahan Negara (DPN) yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Dasar Perumahan Mampu Milik (DRMM) yang dikeluarkan oleh kementerian yang sama juga telah mewajibkan penilaian QLASSIC dilakukan ke atas semua Projek Perumahan Mampu Milik di seluruh negara. CIDB juga telah memperkenalkan skim penarafan kemampanan pembinaan iaitu MyCREST bagi penilaian bangunan dan *Sustainable INFRASTAR* bagi penilaian infrastruktur. Keseluruhan program-program ini menyasarkan kepada penyediaan bangunan, kediaman dan infrastruktur yang berkualiti dan dalam masa yang sama memastikan keselamatan dan kesihatan, serta menjaga kelestarian dan kemampanan persekitaran negara.

Mengenai CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
